

# I Kod Kelakuan Pembekal

Di Bunge, kami menghendaki kakitangan dan pembekal kami mematuhi standard etika dan integriti yang tertinggi. Hubungan kami dengan pembekal adalah berdasarkan nilai saling menghormati dan kepercayaan bahawa setiap pihak akan bekerjasama untuk mengambil tindakan yang betul apabila menjalankan urusan perniagaan. Kami sentiasa berusaha untuk mengekalkan kepercayaan kakitangan, pelanggan, pemegang saham, pembekal dan komuniti di tempat kami beroperasi.

Pembekal Bunge dikehendaki berurus niaga dengan adil, secara beretika, mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan pada setiap masa, dan sejajar dengan [\*\*Nilai Teras\*\*](#), dasar kami dan [\*\*Kod Kelakuan \(“Kod Bunge”\)\*\*](#). Untuk memastikan jangkaan ini jelas dan menyokong proses membuat keputusan yang beretika, [\*\*Kod Kelakuan Pembekal \(“Kod Pembekal”\)\*\*](#) memberikan sumber tambahan yang ditulis khusus untuk Pembekal kami bagi membantu mereka memahami prinsip kami. Kod Pembekal adalah sejajar dengan dan menyokong Kod Bunge. Banyak topik yang terkandung dalam Kod Bunge diperkuuh lagi dalam Kod Pembekal kerana kepentingannya yang khusus dalam hubungan kami dengan para pembekal kami. “Pembekal” merujuk kepada mana-mana pihak ketiga yang membekalkan barang atau perkhidmatan kepada Bunge termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pembekal secara langsung dan tidak langsung, pengedar, ejen, ejen perekrutan, pengenal perniagaan, perantara, broker kastam, ejen pelabuhan, perunding, kontraktor, pembekal perkhidmatan profesional, pembekal komoditi, penyedia bahan mentah, dan vendor perolehan. Subkontraktor kepada Pembekal juga dikehendaki mematuhi Kod Pembekal ini. Kod Pembekal ini tidak dikenakan ke atas pelanggan penggunaan terakhir.

Pembekal dikehendaki mematuhi prinsip-prinsip yang tersurat dan juga tersirat, yang digariskan dalam Kod Pembekal. Kod Pembekal ini menetapkan jangkaan minimum bagi kelakuan yang boleh diterima. Kami amat menyarankan Pembekal melebihi jangkaan minimum Kod Pembekal ini dan menerapkan amalan terbaik serta penambahbaikan berterusan sepanjang operasi mereka. Sekiranya undang-undang setempat mengenakan kewajipan yang kurang ketat berbanding dengan Kod Kelakuan Pembekal, kami menghendaki Pembekal mematuhi Kod Pembekal ini apabila menjalankan urus niaga dengan atau bagi pihak Bunge, termasuk:

## Hak Asasi Manusia dan Keadaan Buruh

- **MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA:** Pembekal dikehendaki mengamalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam [\*\*Dasar Hak Asasi Manusia\*\*](#) Bunge, yang merangkumi sikap menghormati hak asasi manusia yang selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (“UN Guiding Principles for Business and Human Rights”), Garis Panduan bagi Perusahaan Multinasional dari Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (“Organization for Economic Cooperation & Development (OECD) Guidelines for Multinational Enterprises”), dan Rang Undang-undang Antarabangsa bagi Hak Asasi Manusia (“International Bill of Human Rights”). Pembekal hendaklah mematuhi Pengisyntiharhan Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (“International Labor Organization (ILO) Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work”), yang menegaskan bahawa syarikat hendaklah menghormati kebebasan berpersatuan dan hak perundingan kolektif, berusaha untuk menghapuskan segala bentuk buruh paksa atau wajib, termasuk buruh kanak-kanak, dan berusaha untuk menghapuskan diskriminasi dalam penggajian dan pekerjaan, dan berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat lagi sihat.

Istilah “Bunge” atau “Syarikat” merujuk Bunge Global SA dan semua anak syarikat milik penuhnya atau milik majoriti, syarikat sekutu dan usaha sama yang dikawal oleh Bunge. Istilah “pekerja” atau “anda” dan “kakitangan”, “ahli pasukan” atau “kami” merujuk kepada pengarah, pegawai dan kakitangan Bunge, melainkan dinyatakan sebaliknya. Kod ini tidak mewujudkan atau bertujuan mewujudkan sebarang hak beneficiari pihak ketiga.

Bunge tidak bertolak ansur dengan sebarang pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Pembekal. Pembekal digalakkan untuk membangunkan dasar-dasar hak asasi manusia sendiri yang mematuhi standard antarabangsa ini, dan memperincikan cara mereka akan mengamalkan prinsip ini sepanjang operasi mereka dan dengan subpembekal mereka.

- **BURUH PAKSA:** Pembekal hendaklah melarang segala jenis buruh paksa atau wajib dalam apa-apa bentuk, termasuk buruh hutang, buruh terikat, buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia. Bunge tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana Pembekal yang secara sengaja atau secara cuai menggunakan buruh paksa, hukuman fizikal, ancaman keganasan atau sebarang bentuk penderaan yang lain.
- **BURUH KANAK-KANAK:** Pembekal hendaklah melarang penggunaan buruh kanak-kanak, dan semua pekerja dalam operasi serta rantaian bekalan Pembekal harus memenuhi had umur minimum untuk bekerja sepertimana yang ditetapkan oleh standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa ("International Labor Organization (ILO)") bagi buruh kanak-kanak dan semua undang-undang serta peraturan setempat yang berkenaan. Bunge tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana Pembekal menggaji atau mengeksploitasi kanak-kanak secara sengaja atau secara cuai.
- **KEBEbasan BERSUARA DAN BERPERsATUAN:** Pembekal hendaklah menghormati Hak Kebebasan Bersuara dan Hak Berpersatuan bagi pekerja mereka, sejajar dengan Dasar Hak Asasi Manusia, termasuk hak menubuhkan dan menyertai organisasi pilihan mereka sendiri untuk berunding secara kolektif tanpa kebenaran terlebih dahulu atau campur tangan yang tidak munasabah. Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan buruh setempat yang berkenaan.
- **KESIHATAN & KESELAMATAN:** Pembekal hendaklah berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja mereka, kontraktor dan pembekal, dan mematuhi semua undang-undang serta peraturan setempat yang berkenaan bagi kesihatan dan keselamatan. Pembekal yang bekerja di premis Bunge hendaklah mematuhi Dasar Keselamatan & Kesihatan Global dan Dasar Keganasan di Tempat Kerja, dan menyokong matlamat Bunge untuk mengadakan budaya insiden sifar.
- **TANPA DISKRIMINASI AND GANGGUAN:** Pembekal hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang saling menghormati, profesional, dengan kepelbagaiannya, inklusif dan bebas daripada diskriminasi, gangguan, tindakan balas, pembulian dan intimidasi. Pembekal hendaklah menyokong tenaga kerja yang pelbagai dan inklusif. Sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan terhadap kakitangan atau pemohon kerja hendaklah dilarang. Keputusan berkaitan pekerjaan hendaklah dibuat tanpa mempertimbangkan ciri-ciri yang lazimnya dilindungi termasuk tetapi tidak terhad kepada kaum, negara asal, warna kulit, agama, orientasi seks atau seksual, jantina, identiti jantina, ekspresi jantina, kerakyatan, umur, ketidakupayaan, status ketenteraan atau veteran, atau status perkahwinan.
- **UPAH DAN JAM KERJA YANG ADIL:** Pembekal hendaklah mematuhi atau melebihi semua undang-undang dan peraturan setempat yang berkenaan bagi waktu bekerja dan upah termasuk yang berkaitan dengan upah minimum, bayaran kerja lebih masa dan cuti.
- **AIR DAN SANITASI:** Pembekal hendaklah menghormati hak untuk mengakses air yang selamat, bersih dan mencukupi, dan akses kepada perkhidmatan sanitasi yang memadai serta kebersihan yang sewajarnya, bagi operasi mereka, rantaian bekalan dan komuniti di tempat mereka beroperasi.

## Alam Sekitar dan Guna Tanah

- **IMPAK ALAM SEKITAR:** Pembekal hendaklah memberikan perhatian teliti kepada impak alam sekitar dan iklim, sepertimana yang dinyatakan dalam [Dasar Tanggungjawab Alam Sekitar](#).

- **KELESTARIAN:** Pembekal hendaklah menyokong pertumbuhan sistem makanan yang lebih lestari, termasuk melalui penggalakan pertanian secara lestari, penggunaan air secara berhemat, dan pengurangan ketakjaminan makanan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- **TIADA PEMBASMIAN HUTAN, TIADA GAMBUT DAN TIADA EKPLOITASI (NO DEFORRESTATION, NO PEAT, AND NO EXPLOITATION, NDPE):** Pembekal hendaklah mematuhi matlamat NDPE, termasuk:
  - Tiada pembasmian hutan**, iaitu pembasmian hutan apabila membangunkan tanah, memulihara kawasan Nilai Pemuliharaan Tinggi (High Conservation Value, HCV), dan kawasan Stok Karbon Tinggi (High Carbon Stock, HCS), mematuhi dasar tiada pembakaran terbuka, dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.
  - Tiada gambut**, iaitu melarang pembangunan baharu di atas tanah gambut dan menggalakkan pelaksanaan amalan terbaik dalam pengurusan ladang yang sedia ada; dan juga, sekiranya boleh, melaksanakan pemuliharaan tanah gambut.
  - Tiada eksplorasi**, iaitu bermaksud tidak mengeksplorasi para pekerja, kanak-kanak, komuniti-komuniti setempat atau pekebun-pekebun kecil dalam penghasilan minyak sawit.
- **KEBOLEHJEJAKAN DAN KETELUSAN:** Pembekal hendaklah memberikan maklumat-maklumat dan data-data kepada Bunge untuk membantu dalam kebolehjejakan apabila diminta dan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan.
- **HAK TANAH:** Pembekal hendaklah mengambil langkah-langkah untuk menghormati penggunaan tanah, pekebun-pekebun kecil, orang asal, dan biodiversiti, seperti yang dijelaskan dalam [\*\*Dasar Penggunaan Tanah dan Biodiversiti\*\*](#), dan menurut Pengisyntihsaran Hak Peribumi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- **PEMBEKAL KOMODITI:** Pembekal dalam rantaian nilai minyak sawit Bunge hendaklah mematuhi Dasar Perolehan Minyak Sawit Lestari Bunge. Pembekal Bijirin & Biji Minyak di Amerika Selatan harus mematuhi Komitmen Bunge terhadap Rantaian Nilai Lestari: Bijirin & Biji Minyak.

## Etika/Pematuhan

---

- **PERDAGANGAN, SEKATAN DAN KAWALAN EKSPORT:** Pembekal hendaklah mematuhi semua sekatan dan larangan yang berkenaan di mana-mana juga mereka menjalankan perniagaan, termasuk undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sekatan perdagangan dan ekonomi, undang-undang dan peraturan pencegahan pengubahan wang haram, kastam, kawalan eksport serta undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan dengan eksport, eksport semula serta import, dan jika berkenaan, undang-undang dan peraturan antiboikot.
- **SOGOKAN, RASUAH, PEMERASAN:** Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang antirasuah, antisogokan dan antisuapan di tempat mereka beroperasi. Rasuah termasuk pemberian rasuah kepada pegawai kerajaan, dan rasuah komersial yang dilakukan oleh salah seorang pekerja kami atau pihak ketiga yang dilantik untuk bertindak bagi pihak Bunge. Bunge berusaha mendapatkan Pembekal yang tekal bertindak sejahtera dengan [\*\*Kod Bunge\*\*](#), Dasar Antirasuah, dan Dasar Pengurusan Risiko Pihak Ketiga. Bunge tidak akan menjalankan perniagaan dengan Pembekal yang melanggar standard tinggi kami atau menjelaskan nilai yang kami cipta dan usahakan.
- **KONFLIK KEPENTINGAN:** Pembekal hendaklah mengelakkan situasi konflik kepentingan, dan mestilah mendedahkan kepada Bunge jika Pembekal mempunyai sebarang hubungan dengan Bunge (sama ada dari segi kewangan atau sebaliknya) yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan.

- **KERAHSIAAN & PRIVASI DATA:** Pembekal hendaklah mengendalikan maklumat sulit tentang Bunge, termasuk hak intelektual, rahsia perdagangan, dan maklumat kewangan, serta maklumat peribadi tentang kakitangan, rakan perniagaan dan pengguna Bunge, menurut undang-undang dan kewajipan kontrak yang berkenaan.
- **KUALITI DAN KESELAMATAN PRODUK, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN:** Pembekal hendaklah menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti tinggi. Pembekal mestilah mematuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan yang berkenaan.
- **PASUKAN KESELAMATAN:** Pembekal yang mengambil khidmat atau menggunakan pasukan keselamatan swasta atau awam untuk perlindungan keselamatan hendaklah memberikan arahan dan pengawasan yang sewajarnya, selaras dengan Prinsip Sukarela berhubung Keselamatan dan Hak Asasi Manusia.

## Tadbir Urus

---

- **PENGAWASAN DAN PENYIMPANAN REKOD:** Pembekal hendaklah menyimpan buku dan rekod yang mencerminkan semua transaksi perniagaan dengan tepat dan jujur. Pembekal hendaklah memenuhi sebarang permintaan untuk negara asal bahan bagi produk dan perkhidmatan atau strategi kebolehjejakan rantaian bekalan.
- **AUDIT DAN PENILAIAN:** Bunge berhak untuk meminta perjalanan audit bagi mengesahkan pematuhan kepada jangkaan ini. Bunge menghendaki Pembekal mematuhi sebarang permintaan yang munasabah untuk mendapatkan maklumat, pensijilan, dan/atau akses audit.
- **MELAPORKAN KEBIMBANGAN/KILANAN:** Jika anda terlihat atau mengesyaki sebarang perlakuan atau amalan perniagaan yang pada pendapat anda mungkin melanggar Kod Pembekal, sila terus menghubungi Bunge. Anda boleh mengemukakan kebimbangan atau mendapatkan bantuan dengan melaporkan perkara tersebut kepada **Talian Bantuan Bunge**. Talian Bantuan ialah saluran komunikasi yang selamat dan dipantau oleh pasukan Etika dan Pematuhan Global. Talian ini disediakan dalam pelbagai bahasa dan boleh dihubungi 24 jam sehari, 365 hari setahun. Anda juga boleh menghubungi Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang, dan Etika dan Pematuhan Global Bunge melalui e-mel (**BGE.Bunge.Ethics.Compliance@bunge.com**). Kami mengendalikan semua laporan dengan segera, adil dan sebagaimana boleh, secara sulit.
- **PEMATUHAN:** Bunge menghendaki Pembekalnya menghormati semangat Kod Pembekal. Sekiranya Bunge mendapati kebimbangan yang munasabah berhubung dengan pematuhan Pembekal bagi satu atau beberapa peruntukan Kod Pembekal, Bunge mungkin akan cuba menghubungi Pembekal untuk mengenal pasti aspek-aspek penambahbaikan dan pengukuhan. Jika Pembekal gagal berhubung dengan Bunge dalam proses ini, atau gagal untuk membetulkan sebarang ketidakpatuhan tersebut dalam tempoh masa yang munasabah atau dalam tempoh masa yang dipersetujui, kami berhak menamatkan hubungan perniagaan kami.

*Mana-mana dasar Bunge yang dirujuk dalam Kod Pembekal yang tidak tersedia untuk semakan boleh diberikan atas permintaan.*